

Pendidikan Dan Kesihatan Dua Bidang Utama Untuk Diperkukuhkan - Muhyiddin Bernama
15 September 2011

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Pendidikan dan kesihatan menjadi dua bidang utama yang akan diperkukuhkan ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata kerajaan sentiasa menggalakkan sebarang bentuk kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam membangunkan kedua-dua bidang berkenaan.

Dalam bidang pendidikan, Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran, berkata Malaysia kini menarik kedatangan pelajar dari China, Afrika dan Timur Tengah disebabkan kos yang rendah untuk meneruskan pengajian tinggi di negara ini berbanding dengan belajar di Eropah dan negara seperti United Kingdom serta Australia.

Beliau berkata demikian dalam sesi dialog bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Forbes, Steve Forbes pada Persidangan CEO Global Forbes 2011 di sini Rabu.

Selanjutnya, Muhyiddin berkata kerajaan Malaysia kini turut aktif dalam mempromosikan pelancongan perubatan yang membolehkan pesakit mendapatkan rawatan perubatan berkualiti di pelbagai hospital dan pusat pakar di seluruh negara.

"Malaysia kini menjadi destinasi pilihan pertama bagi penduduk dari Indonesia dalam aspek pelancongan perubatan," katanya.

Mengenai keganasan, beliau berkata Malaysia memberi tumpuan ke arah menjalin kerjasama rapat dengan pihak lain, di dalam dan luar negara untuk memerangi keganasan, sambil menambah kerajaan sangat komited untuk memerangi keganasan dalam apa jua bentuk.

"Kami telah bekerjasama dengan banyak negara seperti Amerika Syarikat dan Australia di mana isu rentas sempadan termasuk pemerdagangan manusia ditangani sepenuhnya," katanya.

Persidangan CEO Global Forbes 2011 selama tiga hari yang berakhir hari ini menghimpunkan CEO dan pemimpin beberapa syarikat paling penting di dunia untuk berkongsi strategi kejayaan mereka.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=613562>